



## UTeM TUAN RUMAH

Pelancaran

## SELANGKAH KE UNIVERSITI

Peringkat Kebangsaan

anjuran **BAKTI**

**22 April** : Seluruh warga UTeM hari ini mengalu-alukan kehadiran isteri Perdana Menteri, YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor ke Kampus Induk bersempena Majlis Pelancaran Program Selangkah ke Universiti peringkat kebangsaan yang berlangsung di Dewan Besar.

Program anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI) merupakan acara tahunan badan tersebut yang bertujuan memberikan pengalaman istimewa kepada pelajar sekolah untuk merasai sendiri suasana belajar di universiti dan seterusnya menyuntik semangat peserta agar berazam mencipta kejayaan menjejakkan kaki ke menara gading.

Sewaktu menyampaikan ucapan, Datin Paduka Seri Rosmah yang merupakan Yang di Pertua BAKTI melahirkan rasa gembira di atas penyertaan dan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kerajaan negeri Melaka, UTeM serta agensi-agensi berkaitan dalam menjayakan program bertaraf nasional itu yang telah memberi manfaat kepada beribu-ribu pelajar luar bandar seluruh negara semenjak ianya diperkenalkan tiga tahun lepas.

Jelas beliau, BAKTI sentiasa menitikberatkan tanggungjawab sosial terutama sekali terhadap golongan remaja kerana merekalah yang akan memimpin negara ini pada masa akan datang dan seharusnya mereka dibentuk dengan nilai-nilai murni dan diperkasakan dengan kecemerlangan diri.

“Saya ingin menyeru kepada para pelajar sekalian agar rajin-rajinlah menuntut ilmu dan jadilah insan yang berguna kepada masyarakat. Taburlah bakti dan jasa dengan sebaik mungkin kepada bangsa, agama dan negara setelah anda memiliki segulung ijazah kelak. Tanamlah niat di dalam hati untuk menggunakan ijazah itu sebaik-baiknya,” kata Datin Seri Rosmah disambut dengan tepukan gemuruh peserta yang hadir pada hari itu.

Seramai 352 orang pelajar dari beberapa kawasan Parlimen sekitar Melaka dan Johor terlibat dalam program Selangkah ke Universiti tahun ini. Antara pengisian aktiviti ialah lawatan ke makmal-makmal yang terdapat di Kampus Induk serta taklimat peluang melanjutkan pengajian ke universiti, sesi ceramah motivasi serta latihan dalam kumpulan (LDK).

Selangkah ke Universiti tahun ini menampilkan kelainan apabila para peserta bukan sahaja dapat merasai pengalaman belajar di universiti malah berpeluang bermalam di asrama mahasiswa ditemani fasilitator yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM.

### KANDUNGAN

UTeM Tuan Rumah Pelancaran Program Selangkah ke Universiti Peringkat Kebangsaan Anjuran BAKTI | Naib Canselor Ketua Delegasi Perkukuh Hubungan Bersama Universiti Indonesia | iCEI 2012 Berjaya Capai Matlamat Penganjuran Serlahkan Teknologi Hijau | Prestariang Turut Jayakan Pertandingan Akhir Imagine Cup Malaysia 2012 | PKKT USM Kampus Kejuruteraan Lawat UTeM | UTeM Meterai Memorandum Dengan Silterra Malaysia dan AMR Intellisys | UTeM Galakkan Penonjolan Kepakaran Bagi Pembangunan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Kalangan Penyelidik | FTK Rangka Jalinan Kerjasama Bersama Universiti Perancis | Promosi Peluang Pendidikan UTeM di Infineon Technologies Meriah | Tokoh Nilam Timba Pengalaman Berharga di UTeM | Kejohanan Boling Cungkil Bakat Baru Mahasiswa IPT | Konvoi Motosikal 1Malaysia Bentuk Mahasiswa Berkarisma | Pelajar FTMK Cemerlang Di National Business Video Challenge 2012 | Festival Musim Bunga Disambut Penuh Kemeriahan | Mahasiswa UTeM Jadi Buruan Syarikat Multinasional | UTeM Anjur Latihan ICT Kepada Pelajar Universiti Sudan | Rangkuman Lawatan Akreditasi ke UTeM | Staf UTeM Jalani Latihan Hadapi Situasi Kecemasan | Program UTeM Terbilang Bentuk Modal Insan Berprestasi Tinggi | Motivasi Bulanan “Tak Nak Pokai” | Perkahwinan & Kelahiran April 2012 | UTeM Johan Keseluruhan Karnival Sukan IPT Negeri Melaka | Pasukan Ragbi UTeM Muncul Naib Johan Kategori Plate | Personaliti Pilihan



### Editor BERITA@UTeM

**KETUA EDITOR :**  
Fazidah Binti Ithnin

**WARTAWAN :**  
Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**  
Aziza Binti Md Buang  
Shahril Hazizi Bin Abu Bakar

**JURUFOTO :**  
Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

**PENGEDARAN :**  
Yang Sarinah Binti Mohd Talib  
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

Hak Cipta Terpelihara  
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal, Melaka  
Tel : +606 331 6248 / 6249  
Faks : +606 331 6247

## Naiab Canselor KETUA DELEGASI PERKUKUH HUBUNGAN bersama UNIVERSITI INDONESIA

17 April : Naiab Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan hari ini mengakhiri lawatan kerja ke beberapa institusi pengajian tinggi terkemuka di Indonesia dalam misi memperkukuhkan hubungan dua hala.

Institusi terbabit ialah Institut Teknologi Sepuluh November (ITS) Surabaya, Universitas Gadjah Mada (UGM) Yogyakarta, Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) Semarang dan Institut Teknologi Bandung (ITB).

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, lawatan ke institusi tersebut adalah untuk merapatkan jalinan serta memperkasakan hubungan kerjasama yang dimeterai melalui beberapa memorandum persefahaman (MoU) sebelum ini.

Dalam pada itu, delegasi UTeM turut mengadakan sesi temuduga bersama calon-calon akademik yang telah disenaraipendek dari Indonesia untuk mengisi kekosongan jawatan pensyarah di universiti ini. Seramai sepuluh orang calon telah dipilih berdasarkan kecemerlangan akademik serta pengalaman luas dalam bidang pendidikan serta industri.

Turut menyertai delegasi UTeM ke Indonesia ialah Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi Timbalan Naiab Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nanna Suryana Herman Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Mohd Azmi Mat Said Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).



**ICEI**  
2012

## Berjaya Capai Matlamat Penganjuran Serlahkan Teknologi Hijau

5 April : Penganjuran "International Conference on Engineering and ICT 2012" (ICEI 2012) oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berjaya mendapat penyertaan yang menggalakkan apabila disertai oleh pembentang kertas kerja dan ahli-ahli akademik daripada beberapa negara rantau Asia.

Bertemakan Teknologi Hijau Untuk Pembangunan Lestari, ICEI 2012 mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta yang ingin berkongsi serta menambah ilmu pengetahuan terkini berkaitan teknologi hijau dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Dato' Sri Peter Chin Fah Kui disaksikan tetamu-tetamu kehormat dan peserta dari dalam dan luar negara.

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada UTeM khususnya FKM yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dalam usaha memperkenalkan teknologi hijau kepada umum melalui penganjuran seminar sebegini.

Manakala Dekan FKM, Prof. Dr. Md Razali Ayob berkata, ICEI 2012 semakin dikenali di peringkat antarabangsa hinggakan penganjur perlu membuat proses penyaringan kertas kerja dengan lebih terperinci kerana jumlah penyertaan yang diterima sangat banyak namun pihaknya hanya memilih kertas kerja berkualiti tinggi dan berimpak.



## PRESTARIANG turut jayakan PERTANDINGAN AKHIR IMAGINE CUP MALAYSIA 2012

4 April : Pertandingan mencipta perisian (software) peringkat kebangsaan Imagine Cup 2012 bakal berlangsung meriah berikutan penyerahan tajaan sejumlah RM 90 ribu oleh sebuah badan korporat peneraju ICT negara Prestariang Systems sdn. Bhd.

Tajaan tersebut diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Prestariang Dr. Abu Hasan Ismail kepada Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan merangkap Pengerusi Pertandingan Imagine Cup 2012.

Ketika ditemui media, Ahmad Yusoff melahirkan rasa bangga terhadap sokongan dan komitmen yang ditunjukkan oleh Prestariang. Jelasnya, sumbangan itu amat signifikan dalam memastikan kejayaan penganjuran Imagine Cup 2012 peringkat kebangsaan serta dapat membantu perkembangan budaya inovasi ICT di negara ini.

“Melalui tajaan ini, pertandingan akhir Imagine Cup 2012 peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Kota Kinabalu pada bulan Mei ini dapat dianjurkan dengan meriah dan memberi peluang serta pengalaman berharga kepada peserta,” kata Ahmad Yusoff.

Sementara itu Dr. Abu Hasan pula menyatakan bahawa, telah menjadi tanggungjawab sosial kepada negara untuk memastikan bahawa harapan dan pembangunan modal insan digerak seiring dengan bantuan yang dihulurkan oleh badan korporat.

“Tambahan pula pertandingan mengasah kreativiti seperti Imagine Cup merupakan sesuatu yang sangat relevan dalam objektif dan pencapaian Prestariang sebagai badan korporat yang sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan ICT negara”, ujar beliau lagi.



## UTeM *meterai* MEMORANDUM *dengan* SILTERRA MALAYSIA DAN AMR INTELLISYS



## PKKT USM Kampus Kejuruteraan *lawat* UTeM



Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PKKT) Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal, Pulau Pinang telah mengadakan lawatan ke Kampus Induk UTeM bagi meninjau dan berkongsi pengalaman khususnya dalam bidang ICT.

Lawatan tersebut diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Maklumat, Fadzil Saidin bersama 28 orang pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan bersama Pengarah Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat (PPKK) Fazidah Ithnin, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) Prof. Madya Shahdan Md. Lani serta Timbalan Pengarah Pusat Komputer, Samsul Samdin hadir menyambut ketibaan delegasi itu.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan melahirkan rasa gembira atas kunjungan PKKT USM ke universiti ini bagi sama-sama berkongsi pengalaman, idea dan pembangunan infrastruktur dan sistem dalam aspek ICT.

Turut dikongsi bersama dengan ahli rombongan ialah pelaksanaan Balance Score Card (BSC) di universiti ini.

Jalinan kerjasama antara UTeM dan pihak industri diteruskan lagi kali ini bersama Silterra Malaysia dan AMR Intellisys Sdn. Bhd. melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) yang melibatkan perkongsian pintar oleh kedua-dua belah pihak.

Justeru, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antara UTeM, Silterra Malaysia dan AMR Intellisys telah diadakan di Auditorium Canselori di sini hari ini.

Melalui memorandum tersebut, UTeM dan Silterra Malaysia akan bekerjasama dalam penggunaan fasiliti penyelidikan melibatkan sistem automasi dan kawalan, mekatronik, elektronik kuasa dan pemacu, sistem penukaran tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui.

Turut dimeterai kerjasama dalam bidang-bidang lain yang dijalankan secara bersama melalui pertukaran maklumat teknikal pemindahan teknologi serta pembangunan teknologi bersama di samping peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya untuk staf Silterra Malaysia di UTeM.

Manakala perjanjian dengan AMR Intellisys melibatkan pengkomersilan produk penyelidikan yang dikenali sebagai ‘Efas’ sebuah alat penjimatan dan kecekapan bahanapi yang boleh digunakan oleh kenderaan.

Perjanjian tersebut menjadikan produk ‘Efas’ dapat disebarluaskan kepada pengguna kenderaan dan seterusnya berpotensi dipasarkan ke pasaran luar negara melalui rangkaian kerjasama yang terjalin.

# UTeM Galakkan PENONJOLAN KEPAKARAN bagi PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI dalam KALANGAN PENYELIDIK



**9 April** : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah melaksanakan Bengkel 'Hala Tuju Research & Development' untuk kakitangan akademik yang diadakan di Pusat Pengajian Siswazah (PPS) disertai seramai 60 orang bersama sembilan orang wakil industri. Industri terbabit antaranya Composites Technology Research Malaysia (CTRM), Impressive Edge, Miyazu, Honda, Senstech dan Superabrasives.

Pengarah Program Dr. Nur Izan Syahriah Hussein berkata, tujuan utama program ini adalah untuk mewujudkan projek penyelidikan kolaboratif antara kakitangan fakulti dan industri melalui rangkaian, inisiatif perkongsian, promosi, pembiayaan serta penempatan pelajar bagi mengikuti latihan industri. Jelas beliau, antara lain bengkel ini juga sebagai platform dalam pembentukan kumpulan penyelidik mengikut "research cluster" supaya kreatif dan inovatif bagi menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi.

Program itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor.



## PROMOSI Peluang Pendidikan UTeM di Infineon Technologies Meriah

**19 April** : Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) telah menyertai aktiviti pameran bersempena Hari Terbuka Jabatan Sumber Manusia Infineon Technologies (Melaka) Sdn. Bhd.

Menurut Penyelaras Program PPS, Dr. Tay Choo Chuan berkata, penyertaan UTeM dalam program tersebut bertujuan memperkenalkan kursus-kursus yang ditawarkan di universiti ini terutama sekali Program Ijazah Doktor Kejuruteraan kepada golongan profesional dan jurutera di syarikat itu di samping pengenalan kursus diploma dan ijazah sarjana muda kepada warga kerja Infineon Technologies.

Sepanjang program berlangsung, tapak pameran UTeM tidak putus-putus menerima kunjungan serta pertanyaan mengenai peluang pengajian yang terdapat di universiti ini. Malah kehadiran UTeM di Infineon Technologies mendapat penghargaan pengurusan tertinggi syarikat yang menyifatkan penyertaan tersebut berjaya membuka peluang kepada komuniti di situ untuk meningkatkan kemahiran dan taraf pendidikan.

## FTK *rangka* JALINAN KERJASAMA *bersama* Universiti Perancis



**10 April** : Satu pertemuan antara tenaga pengajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) bersama Dr. Francoise Lavinal dari Universiti Institut Teknologi (IUT) Perancis telah diadakan di Kampus Industri hari ini.

Pertemuan itu telah berjaya mencetuskan idea dan pendedahan baru yang berimpak tinggi dalam kalangan warga fakulti untuk memantapkan lagi corak pengajaran dan pembelajaran di FTK yang telah mencecah usia setahun penubuhannya.

Dr. Francoise telah berkongsi corak pengajian program diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan PhD di Perancis. Selain itu, beberapa keunikan IUT yang menjadikan institusi tersebut sangat popular di Perancis turut dikongsi bersama oleh beliau.

Hubungan rapat IUT dengan pihak industri di Perancis serta kaedah IUT mengekalkan hubungan rapat dengan pihak industri amat mengagumkan. Tambahan pula, dana IUT sering disokong oleh polisi-polisi kerajaan Perancis yang mementingkan pendidikan dan kolaborasi dengan pihak industri.

Menurut Dekan FTK Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, penganjuran aktiviti seperti ini secara tidak langsung memberikan motivasi dan semangat untuk kakitangan FTK dalam menerapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terbaik bagi menghasilkan graduan-graduan yang berkualiti selaras dengan agenda kerajaan.



## TOKOH NILAM *timba* PENGALAMAN BERTHARGA MALAYSIA di UTeM

**9 April** : Dua orang pelajar negeri ini yang terpilih sebagai Tokoh NILAM (Pertandingan Nadi Ilmu Amalan Membaca) telah mengunjungi Kampus Induk sebagai persediaan akhir menghadapi pemilihan peringkat kebangsaan yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Program anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Melaka itu bertujuan mengembangkan bakat dan menyerlahkan keyakinan peserta untuk menjalani proses terakhir sebelum dinobatkan sebagai Tokoh Nilam Negara.

Sepanjang lawatan ke Kampus Induk, peserta didedahkan dengan teknik komunikasi berkesan, pembentukan pemikiran kreatif di samping slot motivasi yang berjaya menyuntik semangat mereka untuk menonjolkan keupayaan diri ketika di peringkat kebangsaan kelak.

Beberapa tempat di Kampus Induk antaranya Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI), Pusat Persatuan Pelajar dan kemudahan makmal di fakulti-fakulti di sini telah dilawati oleh peserta. Sesi pengucapan awam turut diadakan bagi menaikkan semangat dan keyakinan peserta berinteraksi dengan lebih berkesan.



## Kejohanan Boling Cungkil Bakat Baru Mahasiswa IPT

14 April : Kejohanan Bowling Terbuka UTeM 2012 yang berlangsung di Melaka International Bowling Center (MIBC) telah dijayakan menerusi penyertaan seramai 136 orang peserta dari 34 pasukan IPT dari dalam dan luar Melaka.

Antara IPT yang mengambil bahagian seperti Berjaya College, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Tuah menjadi milik Kolej Universiti Segi (KUS) Kuala Lumpur yang telah berjaya mengungguli Kejohanan Boling Terbuka UTeM 2012 menerusi gandingan dua orang pemain kebangsaan Siti Safiyah Amirah Abd. Rahman dan Mohd. Haziq Sahli serta Nick Abraham dan Jonathan Chan yang memperolehi sebanyak 3488 jatuhan pin.

Kumpulan itu telah memenangi wang tunai berjumlah RM1,000.00 bersama pingat dan cenderahati. Tempat kedua dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA dengan jatuhan pin sebanyak 3164 dan berjaya membawa pulang wang tunai RM700.00 serta pingat.

Manakala tempat ketiga pula menjadi milik MMU Cyberjaya dengan jatuhan pin sebanyak 3139 dan berjaya menerima hadiah wang tunai sebanyak RM500.00 dan pingat.

Pemain terbaik kejohanan bagi kategori lelaki telah dimenangi oleh Mohd. Haziq Sahli dari KUS manakala bagi kategori wanita pula telah dimenangi oleh Nur Farhah Aliah Sanusi dari MMU Cyberjaya.



## PELAJAR FTMK CEMERLANG di NATIONAL BUSINESS VIDEO CHALLENGE 2012

23 April : Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) yang menggelarkan kumpulan mereka Rolladice Production mencipta sejarah tersendiri apabila merangkul naib johan dalam pertandingan 'National Business Video Challenge 2012' anjuran Universiti UCSI.

Pertandingan tersebut menguji kreativiti peserta menghasilkan klip video pendek mengenai idea pengiklanan yang menarik serta penggunaan saluran media sosial untuk mendapat undian tertinggi.

Rolladice Production yang dianggotai oleh pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Media Interaktif FTMK Radzi Amin Ramleh dan Muhammad Faiq Mohd Ramli membawa pulang wang tunai RM 3,500 dan kamera video jenama Canon bernilai lebih RM 2,000 melalui klip video bertajuk "By your side" yang mendapat antara undian tertinggi di Youtube.

Pertandingan peringkat kebangsaan itu menyaksikan 70 penyertaan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) seluruh negara bersaing mempamerkan klip video menarik untuk diadili oleh juri profesional dan undian melalui Youtube.



**BizVID**  
**Canon**

## Konvoi Motosikal 1Malaysia Bentuk Mahasiswa Berkarisma



28 April : Seramai 50 orang mahasiswa telah menjayakan Program Konvoi Bermotosikal 1Malaysia bertemakan 'Secupak Budi Sepenuh Hati' yang berteraskan khidmat sosial dan jalinan perpaduan bersama masyarakat.

Program ini merupakan anjuran Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa UTeM Murni, D'Apartment dan Makmur (JAKSIS) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Sebanyak tiga destinasi disinggahi oleh kumpulan siswa konvoi bermotosikal ini iaitu Rumah Kebajikan Seri Kenangan Cheng, Surau Ubudiyah Kampung Bukit Senjuang dan Rumah Kebajikan Budak Laki-laki Anak Yatim Tun Abdul Aziz.

Menurut Pengarah Program merangkap Ketua Konvoi, Noor Rushdan Abdullah berkata, objektif program ini adalah untuk menjalin ikatan perpaduan, memperluaskan pergaulan yang sihat dan memupuk integrasi nasional dalam kalangan mahasiswa UTeM dan masyarakat ke arah melahirkan satu bangsa yang cekal dan berintelektual tinggi.

"Program ini mendedahkan generasi mahasiswa UTeM dengan pelbagai aktiviti yang dapat menguji daya ketahanan dan kepimpinan semasa program berlangsung di samping mengeratkan ukhuwah dan silaturrahim antara mahasiswa UTeM dengan masyarakat sekeliling seperti warga emas, anak yatim, penduduk kampung," ujar beliau lagi.



## Festival Musim Bunga disambut Penuh Kemeriahan

6 April : Festival Musim Bunga (Spring Festival) bersempena perayaan Tahun Baru Cina anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina dengan kerjasama Unit Kebudayaan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) berlangsung dengan penuh kemeriahan di Dewan Besar hari ini.

Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Gan Tian Loo, Exco Pelajaran, Belia dan Sukan Negeri Melaka yang mewakili Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam dengan dihadiri lebih 1000 tetamu jemputan dan masyarakat sekitar bersama pelajar jemputan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Multimedia (MMU).

Menurut Pengarah Program, Tan Ming Hui berkata, objektif program ini diadakan ialah bagi memupuk semangat 1Malaysia dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa UTeM, memperkenalkan kebudayaan cina kepada kaum lain supaya dapat menambahkan pemahaman tentang budaya ini dan memupuk perpaduan dalam kalangan mahasiswa UTeM yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Antara yang menarik perhatian penonton ialah persembahan Gendang 24 Musim, persembahan Tarian Singa, Tarian Tradisional 1Malaysia oleh pelajar UTeM dan UKM, persembahan silap mata, persembahan orkestra Cina oleh Persatuan Teo Chew Melaka, persembahan akrobatik serta persembahan koir.

# Mahasiswa UTeM Jadi Buruan SYARIKAT MULTINASIONAL

Ketrampilan, profesional serta berkemahiran tinggi antara ciri-ciri utama graduan dari UTeM yang terus menjadi buruan majikan yang terdiri dari kalangan syarikat multinasional bertaraf dunia.

Terbaru, Pusat Bimbingan Kerjaya & Kebolehpasaran (PBKK), Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat (JIM) telah menganjurkan program kerjaya 'Peluang Kerjaya Profesional Bersama Syarikat Multinasional' di Dewan Seminar Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK).

Menurut Pengarah PBKK Mohd Amin Mohamad berkata, objektif utama diadakan program kerjaya ini adalah sebagai platform bagi menemukan antara majikan dari syarikat multinasional seperti Petronas, Shimano dan Ceramiche Guocera dengan pelajar tahun akhir universiti ini.

Tambah beliau lagi, program ini telah membuka ruang kepada syarikat-syarikat tersebut mendapatkan tenaga profesional dari kalangan bakal graduan universiti untuk memenuhi jawatan-jawatan yang diperlukan dalam bidang kejuruteraan mekanikal, pembuatan, elektrik, elektronik serta teknologi maklumat & komunikasi.

"Di samping itu majikan juga berpeluang memberi pendedahan kepada bakal graduan berhubung dengan keperluan dan spesifikasi yang perlu dipenuhi bakal graduan bagi menjawat jawatan-jawatan yang ditawarkan.

"Seramai 500 orang pelajar telah menyertai program sehari ini dan ternyata program kerjaya ini berjaya mencapai matlamat asal yang diharapkan dengan pengisian yang cukup memberi implikasi besar



## UTeM anjur LATIHAN ICT kepada Pelajar Universiti Sudan

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) telah menjadi tuan rumah kepada satu program latihan pengurusan pangkalan data dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi kepada 35 orang pelajar dari Al Ziem Al Azhari University (AAU) Sudan.

Program ini merupakan pengisian hasil kerjasama yang telah terjalin antara UTeM selaku IPTA teknikal pertama di Malaysia bersama dengan AAU yang merupakan universiti ternama di Sudan.

Dekan FTMK Prof. Madya Shahdan Md Lani berkata, Program Latihan Pentadbiran Pangkalan Data Oracle ini dirangka adalah untuk melengkapkan para peserta dengan teori dan praktikal sebagai persiapan untuk menduduki peperiksaan Pensijilan Oracle seperti OCP dan OCA.

Jelas beliau lagi, pihak UTeM juga telah menawarkan pembelajaran teori dan praktikal berasaskan model Relational Database Management System kepada para peserta yang mengikuti program ini. Selain dari itu, para peserta juga dinilai bagi mengukur tahap pencapaian masing-masing.



## Rangkuman Lawatan AKREDITASI ke UTeM

**27 April :** Penilai dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) hari ini mengadakan lawatan ke Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) meninjau proses pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan di fakulti itu. Lawatan tersebut adalah sebahagian daripada proses akreditasi program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer.

Semakan dokumen serta pembentangan telah dijalankan oleh penilai di samping temubual dengan pelajar serta pensyarah FTMK bagi mendapatkan maklumbalas terhadap program yang dikendalikan di fakulti itu.

**23 April :** Sebanyak empat buah fakulti di universiti ini menerima kunjungan panel penilai Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) hari ini. Fakulti tersebut ialah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Kunjungan selama dua hari itu berakhir dengan sesi perbincangan hasil penilaian dengan Dekan-dekan fakulti terbabit. Hadir sama pada sesi itu Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).



## Staf UTeM Jalani Latihan HADAPI SITUASI KECEMASAN



**25 April** : Pejabat Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (PKKP) dengan kerjasama Balai Bomba Ayer Keroh telah mengadakan kursus "Emergency Response" bertempat di Kampus Industri dan Kampus Induk baru-baru ini.

Seramai 60 orang peserta dari kalangan kakitangan UTeM telah hadir menjalani kursus berkenaan yang memberi pendedahan persediaan dalam menghadapi situasi yang tidak diingini.

Menurut Pengarah PKKP Engr. Zulkifli Shariff berkata, objektif utama latihan ini diadakan adalah bagi melatih para peserta mengenai tindakan kecemasan yang perlu diambil apabila berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini di tempat kerja seperti kejadian kebakaran atau gempa bumi.

"Selain itu, latihan juga diberikan berkenaan penggunaan alat pemadam api dan salur bantu mula sekiranya berlaku kecemasan kebakaran di bangunan pentadbiran dan bangunan-bangunan lain dalam kampus ini", ujar beliau lagi.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan seperti ceramah berkaitan pengetahuan apabila berlaku situasi kecemasan seperti kebakaran, cara memadam api yang betul, kawad bomba, simulasi teknik menyelamatkan mangsa tercedera dan "fire drill".



## "Tak Nak Pokai" MOTIVASI BULANAN

**26 April** : Seramai 150 orang kakitangan telah menyertai program motivasi bulanan yang bertajuk "Tak Nak Pokai" bertempat di Dewan Auditorium Canselori, Kampus Induk di sini.

Pengarah program Muhammad Hazrul Md Esa berkata, program ini bertujuan memberi pendedahan terhadap para peserta berhubung asas pengurusan kewangan individu.

Tambah beliau lagi, kaedah pengurusan kewangan yang betul amat penting bagi memastikan perbelanjaan harian dan bulanan tidak melebihi pendapatan sedia ada. Dengan teknik yang berkesan juga dapat mengelakkan individu daripada masalah seperti bebanan hutang.

Penceramah jemputan bagi program ini ialah pegawai dari Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) Melaka, Raju Periasamy. Menerusi program ini beliau telah memberi panduan dan teknik asas dalam pengurusan kewangan individu.

Jelas beliau, salah satu cara mengawal perbelanjaan ialah dengan mengawal penggunaan kad kredit secara bijak dan berhemah supaya dapat mengelakkan daripada beban hutang yang tinggi hingga boleh mencetuskan kemufilsan.

"Kita sering kali akur dengan kepentingan menguruskan kewangan dengan bijak kerana setiap dari kita mempunyai sumber kewangan yang terhad. Namun kita haruslah mendisiplinkan diri bagi memastikan setiap perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan", ujar beliau lagi.

## Program UTeM Terbilang

### BENTUK MODAL INSAN BERPRESTASI TINGGI



**9 April** : Staf UTeM yang baru melapor diri terlibat dalam program "UTeM Terbilang" yang diadakan di Melaka Tropical Fruit Farm, Sungai Udang. Program yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) bertujuan memberi pendedahan terhadap fungsi pelbagai jabatan di universiti ini di samping penerapan semangat berpasukan dan nilai-nilai murni sebagai penjawat awam.

Pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pembinaan jati diri telah dijalankan selama program berlangsung. Antara aktiviti yang dijalankan ialah merempuh halangan berpasukan yang memerlukan kerjasama erat dalam kalangan peserta program.

Terdahulu, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan mengalu-alukan kedatangan staf baru ke universiti ini dan mengharapkan sumbangan yang berterusan bagi mencapai kegemilangan selaku universiti teknikal pertama di negara ini.

Ujar beliau, individu yang berjaya menyertai keluarga UTeM seharusnya mempunyai komitmen dan semangat yang tinggi untuk mengharumkan nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi. "Tidak kira apa pun peringkat dan jawatan, kita mestilah bersatu hati, komited dan sentiasa fokus ketika melaksanakan amanah yang diberikan agar misi dan visi universiti tercapai", kata Prof. Dr. Ahmad Yusoff.



## Kelahiran & Perkahwinan April 2012

kelahiran cahaya mata serta selamat pengantin baru kepada pasangan berikut:

**Kelahiran**  
Nama Staf : Mohd Hapiz bin Mohd Ariffin (Pejabat Bendahari)  
& Siti Hashimah binti Hashim  
Nama Anak : Nur Zara Alisya binti Mohd Hapiz  
Tarikh Lahir : 6 April 2012



Nama Staf : Hamzah Asyrani bin Sulaiman  
(Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer)  
& Nur Baizura binti Abdul Jalal  
Nama Anak : Izz Nur Zahra binti Hamzah Asyrani  
Tarikh Lahir : 13 April 2012

Nama Staf :  
Effendy Onn bin Siam (Fakulti Teknologi Kejuruteraan)  
& Shahrul Badriyah binti Mohamed  
Nama Anak : Muhammad Adib Hafidz bin Effendy Onn  
Tarikh Lahir : 29 April 2012



## Perkahwinan

Nama Staf : Zulkifli bin Mohd Rasid  
(Bahagian Pengurusan Akademik,  
Pejabat Pendaftar) & Noor Idayu binti Rozmi  
Tarikh Perkahwinan : 13 April 2012

## Personaliti Pilihan



**AHMAD HAFIZ BIN MOHD PUAD**  
PENOLONG PENDAFTAR  
PEJABAT JARINGAN INDUSTRI  
DAN MASYARAKAT, CANSOLORI

Ahmad Hafiz menyertai UTeM pada tahun 2008 dan ditempatkan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Pejabat Pendaftar. Ketika di BPSM beliau terlibat dalam proses pengambilan staf baru seperti menguruskan sesi temuduga dan urusan penempatan.

Beliau juga terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem permohonan jawatan secara online yang diperkenalkan sebagai penambahbaikan perkhidmatan di universiti ini.

Seterusnya pada tahun 2010, beliau ditempatkan di Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (kini dikenali Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat) dan bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan inisiatif strategik berkaitan hubungan industri.

Seorang yang gemarkan aktiviti sukan, Ahmad Hafiz pernah menyumbang pingat emas ketika mewakili UTeM dalam acara ragbi di Kejohanan Sukan MTUN pada tahun 2008.



**SYAMILAH BT MOHD ALI**  
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM  
PUSAT ISLAM

Ustazah Syamilah memulakan perkhidmatan di UTeM pada bulan Jun 2010 dan kini bertugas di Unit Pentadbiran Pusat Islam. Berasal dari Kok Lanas Kelantan, beliau merupakan seorang yang aktif dalam pelbagai program kemasyarakatan anjuran universiti.

Ibu kepada 3 orang cahaya mata ini akan menghabiskan masa terluang dengan membaca karya ilmiah untuk menambah ilmu pengetahuannya. Selain itu beliau juga gemar beriadah seisi keluarga pada hujung minggu serta bersiar-siar menikmati keindahan Bandaraya Melaka yang penuh dengan tempat bersejarah.

Berpengalaman luas dalam bidang pendidikan agama, Ustazah Syamilah pernah berkhidmat sebagai guru sandaran di beberapa buah sekolah sebelum menyertai universiti ini. Pada masa ini beliau memegang tanggungjawab sebagai Ketua Biro Agama PUSPANITA Cawangan UTeM.

# UTeM JOHAN KESELURUHAN KARNIVAL SUKAN IPT NEGERI MELAKA

**29 April** : UTeM telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan Karnival Sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negeri Melaka yang telah diadakan di Kompleks Sukan UTeM.

Karnival Sukan IPT Negeri Melaka anjuran Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama 36 buah IPT negeri ini merupakan kejohanan sukan yang julung kali dianjurkan melibatkan 21 acara sukan termasuk acara kesenian dipertandingkan.



Menurut Penolong Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, pasukan UTeM yang menyertai kesemua 21 acara pertandingan telah berjaya meraih 7 pingat emas, 4 pingat perak dan 3 pingat gangsa.

Jelas beliau, pingat emas telah berjaya diperolehi menerusi acara bola tampar wanita, sepakraga bulatan, sepakraga antara regu, tenis campuran, karom terbuka, dart terbuka dan koir. "Manakala menerusi acara badminton campuran, ping pong campuran, catur campuran dan trail running telah berjaya menyumbangkan pingat perak kepada pasukan UTeM," jelas beliau lagi.

Tempat kedua keseluruhan telah dimenangi oleh Universiti Multimedia (MMU) dengan pungutan 4 pingat emas, 2 perak dan 3 gangsa. Manakala tempat ketiga pula menjadi milik Politeknik Merlimau dengan pungutan 3 emas dan 1 perak.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Datuk Gan Tian Loo Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Belia dan Sukan mewakili Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Menerusi 21 acara yang dipertandingkan telah berjaya menarik penglibatan seramai 5,000 orang pelajar dan kakitangan IPT Negeri Melaka termasuk orang ramai untuk menyaksikan temasya yang pertama kali diadakan di sini.

Sepanjang berlangsungnya karnival sukan ini turut diadakan tapak-tapak pameran IPT dan gerai jualan yang disertai oleh institusi terlibat sebagai satu cara mempromosikan program yang terdapat di UTeM.



## PASUKAN RAGBI UTeM MUNCUL NAIB JOHAN KATEGORI PLATE

**29 April** : Pasukan ragbi UTeM yang menyertai Kejohanan Ragbi 7 Sebelah Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Siri 3 di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang saingan berlangsung.

Bermain di peringkat kumpulan, pasukan UTeM berjaya mengenyepikan cabaran Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan mata 28-5. Kemenangan itu melayakkan UTeM mara ke suku akhir kategori Cup bertemu Universiti Putra Malaysia (UPM).

Saingan di peringkat suku akhir nyata menyebelahi UPM apabila menewaskan UTeM namun pasukan universiti tetap mara ke peringkat separuh akhir kategori plate untuk menghadapi Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Corak permainan menarik dan konsisten yang dipersembahkan berjaya membenam UTM dengan mata 14-5 seterusnya layak ke peringkat akhir kategori plate untuk menghadapi Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Semangat juang UTeM pada perlawanan menentang UMT berjaya menggegar kubu lawan dengan serangan bertali arus sejak wisel ditiup. Namun permainan berlangsung sengit dengan kelebihan 1 try oleh UMT menjadikan mata 14-19.

Bagi penyelaras Sukan Ragbi UTeM, Razali Yaakob berkata, meskipun tewas dengan 1 try, prestasi anak buahnya pada ketika ini amat baik dan persiapan rapi sedang dijalankan bagi menghadapi kejohanan siri seterusnya.

